

## **Perbandingan antara Konsep Akhlak dengan Konsep Moral dalam Pendekatan Reka Bentuk Seni Bina Menggunakan Analisis Kod Jawi**

### ***Comparison Between Ahlaq-Concept and Moral-Concept in the Architectural Design Approach Using the Kod Jawi Analysis***

**Ahmad Shuib Yahya<sup>1</sup>, Nurul Syala Abdul Latip<sup>1\*</sup>, & Indirawati Zahid<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Sains Islam Malaysia. [ashuib4@gmail.com](mailto:ashuib4@gmail.com), [nurulsyala@usim.edu.my](mailto:nurulsyala@usim.edu.my)

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

\* Corresponding Author: Nurul Syala Abdul Latip, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia [nurulsyala@usim.edu.my](mailto:nurulsyala@usim.edu.my)

---

#### **ABSTRAK**

Pendekatan reka bentuk merupakan salah satu subjek dalam reka bentuk seni bina yang kaya dengan pelbagai aliran fahaman yang mantap, aspek penggunaan dan memiliki tujuan-tujuan yang pelbagai. Salah satu konsep yang dibangunkan adalah konsep yang bertunjangkan pengetahuan moral bagi bertujuan untuk mencegah penularan pemikiran nihilisme seni bina. Konsep ini memperkenalkan semula prinsip moral sebagai komponen pemikiran untuk menjadi pengantara antara perasaan dan tindakan dalam reka bentuk seni bina. Walau bagaimanapun, pereka bentuk Muslim masih mempunyai al-Quran sebagai rujukan unggul untuk mengawal perasaan dan tindakan. Oleh sebab itu, untuk mengangkat pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep moral sebagai akar pemikiran, pendekatan ini perlu dibandingkan dengan konsep akhlak dari al-Quran terlebih dahulu sebagai objektif dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk meneroka ciri-ciri yang terkandung dalam konsep 'moral' dan menggunakan teknik analisis kandungan untuk membandingkan konsep moral dengan konsep 'akhlak'. Teknik Kod Jawi digunakan sebagai alat untuk menghubungkan pemaknaan konsep kepada surah di dalam al-Quran untuk meneroka petunjuk kepada permasalahan dalam kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pada peringkat asas terdapat perbezaan yang jelas antara konsep akhlak dengan konsep moral dalam menggunakannya sebagai asas kepada pendekatan reka bentuk seni bina untuk melaksanakan tanggungjawab membina kemudahan kepada orang ramai bagi meningkatkan ibadah kepada Allah SWT.

Kata kunci: Kod Jawi, al-Quran, Pendekatan Reka Bentuk, Konsep Moral dan Konsep Akhlak.

---

**ABSTRACT**

---

*The design approach is one of the subjects in architectural design that is rich with various well-established streams of understanding, aspects of use, and has various purposes. One of the concepts developed is based on moral knowledge, which aims to prevent the spread of architectural nihilism by reintroducing moral principles as a component of thought to mediate between feelings and actions in architectural design. However, Muslim designers still have the Quran as a superior reference to control feelings and actions. Therefore, to raise the design approach based on the concept of morality as the root of thinking, this approach needs to be compared with the concept of morality from the Quran first as an objective in this study. This study uses qualitative methods to explore the characteristics embedded in the moral concept and its comparison with the Ahlaq concept. The Kod Jawi technique is used as an analysis tool to connect the meaning of concepts to surahs in the Qur'an to explore clues to the problems in this study. The findings of this study show that at the basic level there is a strong differences between the moral concept and the ahlaq concept in the basic use of the architectural design approach in carrying out the responsibility of building facilities for people to increase worship to Allah SWT.*

*Keywords: Kod Jawi, Al-Quran, Design Approach, Moral-concept and Ahlaq-concept.*

**Received:** Aug 14, 2024

**Accepted:** Nov 05, 2024

**Online Published:** Nov 30, 2024

## **1. Pengenalan**

Pendekatan reka bentuk merupakan sebuah subjek dalam gedung pengetahuan seni bina yang memiliki aliran fahaman yang mantap, aspek penggunaan yang cekap dan memiliki tujuan-tujuan yang pelbagai (Kosman & Ibrahim, 2007). Sehingga kini, terdapat pelbagai jenis pendekatan yang telah dibina seperti pendekatan hijau, pendekatan antarabangsa, pendekatan modern, pendekatan dekonstruktif dan pelbagai lagi jenis pendekatan reka bentuk dalam seni bina. Pendekatan reka bentuk membolehkan kita memahami hal ehwal rupa bentuk, iaitu cerminan tentang pemikiran dari sesebuah ketamadunan pada sesuatu zaman (Aziz & Ali, 2021). Pendekatan seni bina juga membantu ahli seni bina untuk menyempurnakan karya mereka. Walau bagaimanapun, penerimaan untuk mengangkat sesuatu pendekatan memerlukan penelitian sumber yang beragam dan pengetahuan yang pelbagai (Thoah, 1986). Kedua-dua ciri ini membawa pengkaji kepada kebenaran dan mengurangkan risiko dari kesilapan yang memberi kesan jangka panjang kepada masyarakat. Kosman dan Ibrahim (2007) memerhatikan kesan dan akibat daripada fahaman 'pendekatan seni bina antarabangsa' yang dibawa oleh arkitek tempatan yang baru tamat pengajian di luar negara. Mereka melihat terdapat kejayaan menghasilkan seni bina yang baik pada awalnya, tetapi secara keseluruhannya masih belum mencapai matlamat pendekatan itu sendiri kerana kurangnya pemahaman dalam kalangan ahli akademik dan professional.

Kajian ini menganalisis ciri-ciri yang terkandung di dalam pendekatan seni bina moral, sesuai dengan maksud dan tujuan kajian ini, iaitu mengkaji perbandingan antara konsep moral yang membentuk sebuah pendekatan reka bentuk dengan konsep akhlak menurut fahaman melalui taddabur al-Quran. Menurut Ibnu Khaldun,

“Di atas setiap ilmu, Allah yang lebih mengetahui. Dialah gedung terakhir

segala ilmu. Manusia itu lemah dan tidak sempurna. Dan mengakui kekurangan diri adalah suatu kewajiban beragama. Barang siapa yang mendapat pertolongan Allah, mudahlah jalan baginya, dan pasti akan berjaya mencapai usaha dan cita-citanya. Semoga Allah memberi petunjuk dan bantuan-Nya, kerana sesungguhnya Allah sangat dipercayai (Thoha, 1986:54)

Sebelum kajian yang mendalam dibuat, secara umumnya pendekatan seni bina moral mengandungi perkataan *moral* yang menjadi tunjang kepada pendekatan tersebut. Istilah moral berasal dari kata Latin, iaitu *moralis* yang membawa makna sesuatu ajaran yang dipelopori oleh masyarakat Kristian (Parker 2008) dan telah diterima secara umum untuk diamalkan dalam kehidupan seharian dalam menentukan tindakan ke arah yang baik atau ke arah yang buruk (Araffi 2023, Wolf 1982, Kohlberg & Hersh, 1977). Perkataan moral seringkali disama ertikan dengan perkataan akhlak. Akhlak adalah perbuatan yang terbit daripada keadaan jiwa yang tetap sebagaimana yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW melalui al-Quran dan sunnah rasul-Nya (Muamar 2021). Oleh sebab itu, konsep akhlak berbeza dengan konsep moral secara dasar kerana konsep akhlak bersandarkan sumber langsung daripada Allah, Tuhan semesta alam (Setiawan, 2017, Mujayyanah et al., 2021). Saydatina Aisyah r.a menjelaskan bahawa akhlak Rasulullah SAW adalah al-Quran. Berbeza dengan konsep akhlak, konsep moral bersandarkan konsensus masyarakat ke atas tindakan praktikal sama ada ia adalah baik atau buruk (Quine, 1979, Nargiza, 2022, Kaur, 2019).

Konsep moral digunakan sebagai tunjang kepada pendekatan seni bina selepas terdapat penggerak seni bina baru di Barat yang percaya Tuhan telah mati atau masyarakat telah gagal untuk mempercayai kewujudan Tuhan (Parker 2008). Parker, melalui tesisnya yang bertajuk *Morality in Architecture: Detail as Virtue* (2008) menerangkan bahawa penggerak seni bina baru mencadangkan supaya prinsip moral diangkat sebagai komponen pemikiran agar menjadi pengantara antara perasaan dengan tindakan dalam reka bentuk seni bina. Oleh sebab kepercayaan kepada Tuhan tidak lagi menjadi pegangan, maka pegangan beranggapan manusia itu tiada tujuan hidup, tiada sebarang moral dan sebagainya harus dipulihkan dengan mengisi semula pemikiran moral. Secara sepintas lalu, pendekatan konsep moral untuk seni bina ini dilihat tidak sesuai digunakan oleh pereka bentuk Muslim kerana mereka masih mempunyai keimanan tentang Allah, Tuhan sekalian alam dan mempunyai rujukan yang agung, iaitu al-Quran sebagai sumber untuk mengisi jiwa yang kosong. Oleh sebab itu, tujuankajian ini dibuat adalah untuk memperincikan cakupan perbincangan bagi menganalisis konsep akhlak dan moral bagi memahami ciri-ciri seni bina baru yang bertunjangkan pemikiran moral.

## 2. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah campuran untuk membincangkan ciri-ciri konsep moral dengan konsep akhlak terhadap pemahaman pendekatan reka bentuk seni bina. Analisis kandungan ini akan mengeluarkan tema-tema nama berhubung kepada ciri-ciri seni bina berdasarkan konsep moral. Manakala untuk menganalisis definisi akhlak menerusi taddabur al-Quran, kaedah analisis Kod Jawi digunakan. Analisis Kod Jawi (Nurul Syala, 2017) ini akan mencerakinkan beberapa cakupan konsep perkataan dari perkataan moral dan akhlak. Seterusnya, perbandingan antara tema yang dikeluarkan dari kajian ini dilakukan untuk membincangkan ciri-ciri yang membentuk pendekatan reka bentuk. Konsep sesuatu terma dalam sesuatu penyelidikan adalah antara aspek yang paling awal perlu diterokai dan diketahui oleh seseorang penyelidik.

Dengan memahami terma utama dalam sesebuah kajian, ia akan dapat membantu penyelidik untuk memahami konsep utama yang terlibat dan merancang hala tuju kajian dengan lebih jelas. Setiap perkataan/ subjek/ objek/ terma ini secara asasnya adalah satu ‘nama’. Kod Jawi boleh menjelaskan ‘nama’ yang terhasil daripada susunan huruf (Nurul Syala 2017, Nur ‘Alia et al 2023). Teori Kod Jawi menyimpulkan bahawa terdapat korelasi antara 36 huruf Jawi dengan 31 surah di dalam al-Quran. Setiap 31 surah tersebut mempunyai temanya sendiri. Tiada sebarang pencanggahan antara tema-tema yang terkandung dalam Kod Jawi (Jadual 1) dengan tema-tema yang digariskan dengan lima kitab Muktabar tersebut iaitu 1) Kitab ‘Awn Al- Karim Fi Bayān Maqāsīd Al-Qur’an Al-Karīm, 2) Kitab Al-Kharā’it Al- Dhihniyyat Li Suwar Al-Qur’an Al-Karīm, 3) Kitab Al-Tafsīr Al- Mawdūi Li Suwar Al- Qur’an Al-Karīm, 4) Kitab Al-Muktasar Fi Tafsīr Al- Qur’an Al- Karīm, dan 5) Kitab Tafsir Al-Bayan.

Jadual 1. Jadual Kod Jawi. (Sumber: Nurul Syala 2017)

No Surah	Nama Surah	Huruf Jawi	Kod Jawi
Surah 1	(قُبُوكَاعِن) سورة الفاتحة	ا	Aturan
Surah 2	(سَاقِي بِنِينَا) سورة البقرة	ب	Dasar
Surah 3	(كَلَوَارِكْ عَمْرَان) سورة آل عمران	ت	Ikatan
Surah 4	(وَإِنِينَا) سورة النساء	ث	Hubungan
Surah 5	(هَيْدِغْن) سورة المائدة	ج	Sumber
Surah 5 + 6	( هَيْدِغْن + بِنِينَاغْ تَرْنِق ) سورة المائدة+ سورة الأنعام	چ	Sumber dengan sifat
Surah 6	(بِنِينَاغْ تَرْنِق) سورة الأنعام	ح	Sifat
Surah 7	(تَمَقْتْ تَرْتِيغْغِي) سورة الأعراف	خ	Pentadbiran
Surah 8	(رَمَقْسِن قَرَاغْ) سورة الأنفال	د	Hasil
Surah 9	(قَعْمَقُونِن) سورة التوبة	ذ	Pengampunan
Surah 10	(يُونِس) سورة يونس	ر	Yakin
Surah 11	(هُود) سورة هود	ز	Mentauhidkan aturan
Surah 12	(يُوسُوف) سورة يوسف	س	Prinsip
Surah 13	(كُورُوه) سورة الرعد	ش	Penegasan
Surah 14	(إِبْرَاهِيم) سورة إبراهيم	ص	Sikap
Surah 15	(الْحَجْر) سورة الحجر	ض	Pengurusan sumber tenaga
Surah 16	(لِبِه) سورة النحل	ط	Kaedah pengurusan
Surah 17	(إِسْرَاء) سورة الإسراء	ظ	Imbas
Surah 18	(كُؤَا) سورة الكهف	ع	Strategi
Surah 19	(مَرْيَم) سورة مريم	غ	Teknologi
Surah 19 + 20	(مَرْيَم + طِه) سورة مريم + طه	غ	Teknologi pengurusan
Surah 20	(طِه) سورة طه	ف	Kaedah pengurusan mentauhidkan dasar
Surah 20 + 21	(طِه + نَبِي ٢) سورة طه + الأنبياء	ف	Kaedah pengurusan mentauhidkan hasil
Surah 21	(نَبِي ٢) سورة الأنبياء	ق	Mentauhidkan dasar
Surah 22	(حَاج) سورة الحج	ك	Kefahaman pengurusan modal insan
Surah 22 + 23	(حَاج + الموعمنون) سورة الحج + المؤمنون	ك	Kefahaman pengurusan sumber tenaga
Surah 23	(الموعمنون) سورة المؤمنون	ل	Orang-orang yang beriman

No Surah	Nama Surah	Huruf Jawi	Kod Jawi
Surah 24	(جهاي) سورة التور	م	Pedoman
Surah 25	(قمبيذا) سورة الفرقان	ن	Pembeza
Surah 26	(قارا فيغير) سورة الشعراء	و	Jelas
Surah 26 + 27	(قارا فيغير + سموت) سورة الشعراء + التمل	ف	Jelas berjemaah
Surah 27	(سموت) سورة التمل	ه	Jemaah
Surah 28	(چريتا ٢) سورة القصص	لا	Cerita-cerita
Surah 29	(لاب ٢) سورة العنكبوت	ء	Muslihat
Surah 30	(الروم) سورة الروم	ي	Tanda-tanda kejayaan
Surah 31	(لقمان) سورة لقمان	ث	Mentauhidkan kejayaan sistem rangkaian

Sumber: Institut Tahfiz al-Quran lil Muttaqin (2014).

*Nota: Latihan khas perlu dilalui untuk memahami cara penggunaan Jadual Kod Jawi supaya ia dapat diaplikasikan dengan betul dan efektif.*

Kod Jawi ini digunakan untuk memperincikan istilah atau istilah yang hendak dikaji bagi merungkai inti pati yang tertanam dalam istilah itu (Nurul Syala et al, 2022, Nur 'Alia. et al, 2023, Norahaida et.al, 2024). Perincian menggunakan Kod Jawi ini perlu melalui beberapa proses sebelum perkataan itu diperincikan, iaitu:

1. Setiap perkataan yang hendak dikaji perlu ditulis dalam bahasa Melayu dan tulisan Jawi.
2. Huruf Jawi bagi perkataan tersebut dicerakinkan mengikut sebutan bunyi
3. Setiap huruf di dalam perkataan tersebut dikodkan berdasarkan Jadual Kod Jawi untuk memperoleh makna bagi setiap huruf. (Lihat jadual 1)
4. Makna huruf yang telah dikodkan, dikombinasi dalam bentuk ayat menggunakan kata hubung untuk memperoleh ciri-ciri utama yang terdapat pada perkataan tersebut.
5. Bagi perkataan yang bertentangan dengan kebenaran, perkataan 'tidak' atau 'tiada' akan diletakkan di bahagian depan ayat bagi mendapatkan kefahaman yang jelas tentang ayat tersebut mengikut konteks.
6. Konsep pada setiap ciri utama yang telah diperolehi boleh didalami dengan merujuk kepada Surah yang terkait dengan setiap huruf (rujuk Jadual Kod Jawi) dan dirujuk silang dengan data sekunder/ maklumat yang sedang dikaji.

### 3. Perbezaan antara konsep Moral dan Konsep Akhlak berdasarkan Kod Jawi

Konsep moral dan konsep akhlak adalah dua konsep yang berbeza menurut pemaknaan berdasarkan analisis Kod Jawi. Secara ringkasnya (Jadual 2), moral (مورل) merupakan pedoman yang tidak jelas, keyakinan dengan adanya orang-orang yang beriman. Akhlak (اخلاق) pula ialah aturan yang berkaitan pentadbiran punyai cerita-cerita demi mentauhidkan dasar yang terkandung dalam al-Quran. Oleh sebab perkataan moral berdasarkan sebuah konsep yang dibawa dari tamadun barat yang tidak beriman kepada al-Quran, maka ia merupakan pedoman yang tidak jelas menurut prosidur analisis Kod Jawi. Jadual 2 menunjukkan perbezaan antara konsep moral dengan konsep akhlak berdasarkan Kod Jawi.

Jadual 2. Perbezaan konsep moral dan konsep akhlak berdasarkan Kod Jawi

	Huruf	Kod Jawi	Huruf	Kod Jawi
	م	Pedoman	ا	Aturan
	و	*(tidak) jelas	خ	Pentadbiran
Huruf dalam suku kata pertama	م و		ا خ	
Kod Jawi dalam bentuk ayat	( م ) Pedoman yang ( و ) tidak jelas (tidak berpandukan al-Quran)		( ا ) Aturan berkaitan ( خ ) pentadbiran	
Surah terkait	( م ) An Nur, ( و ) Asy-Syu'ara		( ا ) Al-Fatihah, ( خ ) Al-A'raf	
Ringkasan perincian	Perincian cakupan pedoman yang tidak jelas akan memberi petunjuk kepada kajian seterusnya untuk memahami akar kepada ciri-ciri pemikiran dalam mengemukakan seni bina		Aturan berkaitan pentadbiran ini sangat penting untuk dipelajari bagi memahami makna Akhlak, ia akan dapat memberi arah atau panduan yang tepat untuk menangani permasalahan kepada matlamat kehidupan di muka bumi ini. Ini akan memberi tumpuan penuh kepada hubungan manusia dengan Yang Maha Berkuasa yang mentadbir alam ini.	
	baru untuk diamalkan.  Pedoman yang dibuat tanpa al-Quran merupakan suatu keinginan manusia berdasarkan spekulasi dan ramalan untuk mengharapkan penghasilan mengikut kepentingan mereka.		Pentadbiran ini dijelaskan kepada kita melalui al-Quran. Oleh sebab itu dalam kita mempelajari akhlak kita perlu mempelajari aturan berkaitan pentadbiran, iaitu bergantung sepenuhnya kepada apa yang Allah SWT kehendaki. Iaitu dalam merancang dan bertindak dalam melaksanakan tanggungjawab di muka bumi. Tindakan yang tepat adalah diperlukan kerana bumi turut dihuni oleh pelbagai makhluk seperti haiwan, udara, tanah, serangga dan sebagainya.	
	Huruf	Kod Jawi	Huruf	Kod Jawi
	ر	Keyakinan	لا	Cerita-cerita
	ل	Orang-orang yang beriman	ق	Mentauhidkan dasar
Huruf dalam suku kata kedua	ر ل		لا ق	
Kod Jawi dalam bentuk ayat	Keyakinan ( ر ) orang-orang yang *(tidak) beriman ( ل )		( لا ) Cerita-cerita demi ( ق ) mentauhidkan dasar	
Surah terkait	( ر ) Yunus, ( ل ) Al Mu'minin		( لا ) al Qasas, ( ق ) al Anbiya	

<p>Ringkasan perincian</p>	<p>Perincian cakupan ‘keyakinan orang-orang yang beriman’ akan memberi petunjuk bahawa konsep moral ini adalah satu konsep yang bersandarkan konsensus masyarakat yang menyakini konsep itu ke atastindakan praktikal sama ada ia adalah baik atau buruk dan bukan kepada al-Quran.</p> <p>Maksud beriman dari aspek bahasa adalah percaya dan yakin. Oleh itu, dalam konteks moral ini adalah konsep yang dipercayai dan diyakini dengan konsensus masyarakat berdasarkan pedoman yang tidak jelas.</p> <p>Oleh sebab itu, pedoman moral menjurus kepada memenuhi keinginan manusia berbanding menuruti kehendak Allah SWT. Malah, satu kerugian jika tidak mengikuti petunjuk al-Quran yang sangat sarat dengan manfaat kepada sekalian umat manusia.</p>	<p>Moral terbit setelah masyarakat tidak mempercayai kewujudan Tuhan. Oleh itu al-Quran telah banyak memberi petunjuk melalui cerita-cerita para Nabi yang berdepan dengan manusia demi mentauhidkan dasar yang diturun Allah melalui al-Quran. Kegagalan memahami akhlak menjadikan seseorang yang melampaui batas, sehingga boleh mencabar kekuasaan Allah SWT. Antara tindakan yang melampaui batas yang dimaksudkan ialah penebangan hutang berleluasa untuk kekayaan diri, melakukan kezaliman dan penganiayaan kepada masyarakat. Oleh itu, sangat penting untuk memahami makna akhlak demi mentauhidkan dasar yang telah dimaktubkan di dalam al-Quran dan bukan berdasarkan keinginan manusia.</p>
----------------------------	---	--

*\*Apabila kod menjelaskan mewakili pemaknaan yang negatif, perlu ditambah dengan perkataan ‘tidak’.*

Jadual 2 menunjukkan bahawa ciri-ciri pertama yang terbit dari perkataan moral ialah pedoman. Dengan memahami faktor utama yang terletak kepada kod pedoman, maka makna moral berkaitan dengan panduan. Hal ini selari dengan kajian penyelidik terdahulu bahawa moral adalah pedoman kehidupan yang dibentuk berasaskan konsensus masyarakat. Ia tidak berpandukan kepada al-Quran dan sunnah rasul-Nya. Berdasarkan jadual Kod Jawi, kod pedoman mempunyai korelasi dengan surah an-Nur di dalam al-Quran. Dalam surah an-Nur, sangat jelas menerangkan bahawa pedoman kehidupan yang sebenar bukanlah disepakati oleh manusia, tetapi pedoman itu diturunkan oleh Allah. Menurut Basmeih (2001), surah An-Nur dengan lengkap menerangkan perihai-perihai peraturan dan keizinan, kaedah dan adab, batasan pergaulan antara lelaki dengan perempuan, ganjaran dan balasan yang bakal diterima. Oleh sebab itu, ciri-ciri pertama pedoman dalam konsep moral adalah tidak jelas. Antara ketidakjelasan itu ialah dari manakah sumber pedoman itu diperoleh, siapakah sumber asal yang mencipta pedoman moral tersebut, dan adakah sumber asal atau sumber yang telah dikemaskini itu mampu untuk mengatasi surah An-Nur.

Penilaian peringkat pertama secara jelas menunjukkan konsep moral tidak sama dengan konsep akhlak. Konsep akhlak berbeza dengan konsep moral berdasarkan ciri-ciri pertama yang terdapat dalam perkataan akhlak, iaitu aturan. Konsep akhlak juga berkait rapat dengan landasan ‘pentadbiran’ (خ). Oleh itu makna yang diperoleh dalam suku kata pertama perkataan akhlak berkaitan dengan aturan yang telah diperintahkan oleh pentadbiran. Aturan apakah yang telah diperintahkan? Menurut Kod Jawi (Nurul Syala 2017), petunjuk untuk memahami maksud kod (ا) bernama ‘aturan’ terletak di dalam Surah al-Fatihah dan kod (خ) bernama ‘pentadbiran’ terletak di dalam Surah al-Araf. Surah al-Fatihah, menurut Basmeih (2001), adalah surah yang mengandungi secara ringkas dasar-dasar al-Quran diturunkan untuk menerangkan dasar-dasar itu satu persatu. Surah ini menjelaskan matlamat al-Quran untuk menjadi pedoman kepada kita tentang wujudnya Allah dan pentadbiran-Nya yang memerintah kita sebagai hambanya. Dalam Surah al-Araf, perincian tentang Allah dan pentadbiran-Nya bukan berada di bumi sahaja, tetapi juga di langit. Oleh sebab itu pedoman al-Quran diberikan

kepada seluruh umat manusia sebagai panduan utama di muka bumi ini.

Berdasarkan analisis Kod Jawi, ciri-ciri kedua yang muncul dari perkataan moral ialah 'keyakinan orang-orang yang beriman. Ciri-ciri pertama telah menunjukkan bahawa pedoman dalam konsep moral itu adalah tidak jelas, maka pedoman moral ini adalah sebuah keyakinan bagi orang-orang yang mempercayai konsensus masyarakat tentang panduan kehidupan untuk diamalkan tetapi tidak bersumberkan al-Quran. Surah Yunus, ayat 66, menjelaskan bahawa keyakinan yang tidak menuruti apa yang telah diaturkan kepada kita sebagai pedoman kehidupan yang terkandung di dalam al-Quran hanyalah sebuah prasangka dan keinginan yang belum tentu akan memperoleh kebaikan yang diinginkan oleh mereka sendiri.

'Ingatlah, sesungguhnya kepunyaan Allah semua yang ada di langit dan semua yang ada di bumi. Dan orang-orang yang menyeru sekutu-sekutu selain Allah, tidaklah mengikuti (suatu keyakinan). Mereka tidak mengikuti kecuali prasangka belaka, dan mereka hanyalah menduga-duga'. (surah Yunus, ayat 66)

Oleh sebab itu, pedoman yang dibuat berdasarkan konsensus masyarakat tanpa bersumberkan al-Quran adalah sebuah pedoman yang tidak jelas. Sebagaimana yang menjadi teras dalam Rukun Iman, al-Quran merupakan kitab yang membenarkan kitab-kitab sebelumnya. Oleh sebab itu, penolakan al-Quran dalam membentuk sebuah pedoman untuk dijadikan panduan dalam masyarakat secara langsung melucutkan status pedoman untuk diyakini oleh orang-orang yang beriman. Walau bagaimanapun jika pedoman masyarakat itu masih selari dengan pedoman al-Quran ia masih boleh diterima.

Penilaian ini menunjukkan bahawa konsep akhlak tidak sama dengan konsep Moral. Dalam konteks ini, cakupan kedua tentang mengapa al-Quran perlu dipelajari dan menjadi pedoman akhlak kepada manusia kerana tauladan daripada cerita-cerita yang terkandung dalam Surah al-Qasas. Di dalam jadual Kod Jawi huruf **ل** ini berkorelasi dengan Surah al-Qasas. Surah ini menjelaskan prinsip penting yang perlu dipelajari untuk berdepan dengan golongan pemerintah yang zalim, hartawan dan ilmunan yang menentang al-Quran sebagai pedoman kerana kepentingan kekayaannya. Cakupan ketiga ini seterusnya berhubung secara langsung dengan cakupan keempat iaitu 'mentauhidkan dasar' yang boleh dihayati di dalam Surah al-Anbiya. Dalam surah ini, Basmeih (2001) menjelaskan bahawa Allah SWT menciptakan alam ini bukanlah untuk hiburan dan permainan tetapi dengan tujuan dan hikmat yang telah ditentukannya. Oleh sebab itu dalam mentauhidkan dasar ini kita perlu mengkaji dan menyelidiki segala yang ada di bumi dan di langit untuk memantapkan akhlak supaya kita bersyukur dan beribadat sebagaimana Allah kehendaki.

#### **4. Perbandingan pernyataan dalam perbincangan pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep moral dengan konsep akhlak.**

Berdasarkan analisis kandungan terhadap ciri-ciri konsep moral dari pelbagai sumber, kajian ini mendapati empat tema utama yang membentuk ciri-ciri pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep moral iaitu dasar pemikiran, dasar rancangan, konsep penjelasan dan konsep keinginan. Jadual 3 menunjukkan pembentukan tema dalam pendekatan reka bentuk berkonsep moral.

Jadual 3. Pengekodan pernyataan ke dalam kategori dan tema

Reka bentuk berkonsepkan moral	Kategori	Tema
Pemikiran dalam seni bina baru dihalakan kepada pengetahuan 'moral' sebagai panduan. (Rasdi & Kosman, 2005)	Hala pemikiran	Dasar pemikiran
Tidak digalakkan untuk memperbaharui seni bina warisan vernakular secara langsung menggunakan teknologi pembinaan terkini. (Utaberta & Surat, 2009)	Pemikiran gaya rupa	
Arkitek Muslim perlu turut sama menggerakkan seni bina baru berdasarkan konsep moral ini yang telah bergerak lebih seratus tahun ini (Surat, 2019).	Penerimaan pemikiran	
Selain daripada menggunakan teknologi sebagai ejen persaingan dalam menghasilkan seni bina yang hebat, nilai teknologi juga dibenarkan bertindak sebagai ejen penyatuan pemikiran (Surat, 2019).	Dasar pemikiran	
Perbincangan tentang konsep moral bertujuan membuahkan persoalan pada setiap perihal reka bentuk untuk perolehi peluang penyelesaian paling bagus (Surat 2019)	Dasar pemikiran	Dasar rancangan
Menetapkan pendekatan bentuk berdasarkan fungsi (Form Follow Function) sebagai penggerak reka bentuk (Surat 2019)	Rancangan gerakan	
Melibatkan keinginan politik dan keinginan imej kebudayaan sebagai sebuah perbincangan konsep moral sebagai asas pendekatan rekabentuk. (Parker 2008)	Rancangan gerakan	
Nilai moral memupuk keyakinan bahawa teknologi yang tepat menghasilkan penyelesaian terbaik (Parker 2008)	Sokongan rancangan	
Memupuk keyakinan bahawa teknologi boleh memberikan nilai kesenian secara semulajadi bagi menangani permasalahan nilai estatika pemandangan (Proto 2005).	Tujuan rancangan	
Perbincangan konsep moral diajukan kepada kemunculan idea-idea baru tentang teknologi, ekonomi, politik dan nilai-nilai persekitaran (Illies, 2008)	Dasar rancangan	
Menjadikan ciri-ciri yang tertanam dalam bentuk, fungsi dan rupa pokok sebagai contoh untuk menyampaikan maksud penghasilan rupa bentuk seni bina (Surat 2019)	Keinginan rupa bentuk	
Seni bina beroperasi mengikut piawaian kerana ia telah mengalami proses perbaikan mengikut logik dan minit kajian berdasarkan masalah yang telah dinyatakan (Parker 2019)	Keinginan kesempurnaan	
Garisan dan bahan binan boleh diterjemahkan dalam bentuk pemikiran politik untuk rupa bentuk bangunan (Sabil, Yusof & Utaberta, 2022)	Keinginan makna seni	Konsep keinginan
Penggunaan hiasan simbolisme tidak dibenarkan kerana dianggap sebagai suatu pembaziran. (Sabil, Yusof & Utaberta, 2022)	Keinginan hiasan	
Bahagian-bahagian penting komponen kemudahan bangunan seperti struktur, peralatan perkhidmatan bangunan dan peralatan mekanik sepatutnya disanjung dan ditonjolkan sebagai antara unsur hiasan (Proto, 2005)	Keinginan hiasan	
Konsep demokratik adalah satu contoh cabang keinginan politik dalam seni bina baru berdasarkan konsep moral (Muller, 2024)	Penjelasan Politik	
Kapal terbang adalah contoh keinginan piawaian yang boleh dipelajari dalam mereka bentuk bangunan (Corbusier, 1935)	Penjelasan Pengindustrian	Konsep Penjelasan
Rumah juga merupakan contoh keinginan piawaian sehingga dianggap sebagai sebuah mesin untuk manusia hidup di dalamnya (Wesley 1998)	Penjelasan Pengindustrian	
Parthenon adalah contoh keinginan piawaian yang mencapai tahap Kesempurnaan. (Jones, 2018)	Penjelasan Kesempurnaan	
Seni bina yang lestari merupakan contoh yang diinginkan untuk manusia sebagai medium untuk berhubung dengan Tuhan melalui tubuh tuhan yang dijelmakan dalam bentuk alam (Pfeiffer, 2004)	Penjelasan Ketuhanan	
Pemikiran seni bina organik adalah sebahagian cabang keinginan untuk menyumbang eko-sistem yang rumit ini (Graff, 2018)	Penjelasan Alam sekitar	

## 6. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan dapatan Jadual 3, huraian tema dibahagikan kepada empat jadual utama yang membincangkan tema (1) dasar pemikiran, tema (2) dasar rancangan, tema (3) konsep keinginan, dan tema (4) konsep penjelasan. Jadual 4 menunjukkan keputusan analisis tema 'dasar pemikiran' daripada ciri-ciri pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep moral yang dirujuk silang dengan akhlak berdasarkan tadabbur surah yang terkait dengan pemaknaan definisi akhlak berdasarkan analisis Kod Jawi.

Jadual 4. Rujuk silang tema dasar pemikiran tentang pendekatan reka bentuk seni bina berdasarkan konsep Moral dengan konsep Akhlak berdasarkan Kod Jawi

Ciri-ciri pendekatan rekabentuk seni bina baru berdasarkan konsep moral		Konsep akhlak berdasarkan Kod Jawi menerusi huraian taddabur surah terkait
Tema	Kategori	
Dasar pemikiran	Hala pemikiran	Akhlak merupakan hasil daripada aturan berlandaskan pentadbiran yang berpandukan al-Quran. Sebagaimana ayat 6 dan 7 dalam Surah al-Fatihah, hanya orang yang mengikut nikmat aturan Allah akan memperoleh petunjuk yang lurus. Sebaliknya, jika tidak mengikut aturan Allah, seseorang akan pasti mengalami kesan buruk.
	Pemikiran gaya rupa	Sebelum turunnya al-Quran, masyarakat berpegang dengan al-kitab sebagai panduan pemikirannya. Selepas al-Quran diturunkan, mereka menerimanya kerana terdapat kebenaran al-Quran yang tercatat di dalam al-kitab seperti yang dijelaskan dalam Surah al-Qasas ayat 53.
	Penerimaan pemikiran	Konsep moral yang dibangunkan berdasarkan adat atau konsensus atau yang diadakan oleh masyarakat sebagai pedoman dalam menentukan sesuatu perkara itu bersifat baik atau buruk dalam amalan rancangan dan tindakan yang praktikal. Konsep Akhlak yang dipelajari menerusi al-Quran dan rasul-Nya adalah sebagai pedoman untuk melaksanakan rancangan dan tindakan. Oleh sebab itu, menjadi suatu yang janggal jika arkitek Muslim turut sama menggerakkan agenda senibina berdasarkan konsep moral padahal mereka telah mempunyai pedoman akhlak. Hal ini adalah sebagaimana yang diterangkan ayat 75 Surah al-Qasas dari al-Quran.
	Dasar pemikiran	<p>Teknologi digunakan bukan untuk persaingan bagi membuktikan bahawa tiada kaedah lain yang dapat mengatasi kaedah paling popular pada ketika itu. Malah persaingan itu sendiri akan membenarkan tindakan untuk mencapai tujuan penyatuan pemikiran.</p> <p>Dalam konteks zaman Nabi Musa, Firaun menggunakan teknologi untuk mencapai kedua-dua tujuan itu iaitu menggunakan teknologi untuk persaingan dan penyatuan pemikiran sebagaimana yang dijelaskan dalam Surah al-Qasas ayat 38. Teknologi digunakan untuk menjalankan petunjuk berdasarkan perintah Allah supaya umat manusia boleh melaksanakan kewajibannya di muka bumi ini sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Surah al-Anbiya' ayat 73. Al-Quran merupakan petunjuk yang lengkap. Oleh sebab itu, pereka bentuk bertanggungjawab untuk memanjatkan doa kepada Allah supaya mendapat petunjuk dalam perbincangan dalam ahli kumpulan. Usaha ini bertujuan untuk memperoleh ilham bersandarkan kepada kaedah yang telah diajarkan di dalam al-Quran dan sunnah Rasul-Nya dalam menyelesaikan permasalahan sebagaimana yang dijelaskan dalam Surah al-A'raf ayat 103</p>

Petunjuk dari al-Quran dan sunnah Rasul-Nya adalah sangat nyata untuk mewajibkan masyarakat Muslim menjalankannya. Petunjuk dari al-Quran itu, pelbagai persoalan akan muncul untuk membantu menyelesaikan permasalahan. Dalam konteks ini, pereka bentuk sendiri perlu memilih jawapan yang sesuai dengan dimensi keadaan semasa. Memanjat doa merupakan cara yang diajarkan supaya Allah memberi izin kepada pereka bentuk untuk menggunakan jawapan-Nya. Oleh sebab itu, pereka bentuk Muslim tidak sesuai untuk mengangkat pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep moral kerana umat Muslim telahpun mempunyai pedoman yang agung sebagai rujukan utama. Ini disebabkan dasar rancangan daripada pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep moral mempunyai perbezaan pada setiap unit maknanya. Jadual 5 menunjukkan keputusan analisis tema 'Dasar rancangan' daripada pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep moral yang dirujuk silang dengan taddabur surah yang terkait dengan pemaknaan definisi akhlak berdasarkan analisis Kod Jawi.

Jadual 5. Rujuk silang tema dasar rancangan daripada pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep Moral dengan konsep Akhlak

Ciri-ciri pendekatan rekabentuk seni bina baru berdasarkan konsep moral		Konsep Akhlak berdasarkan Kod Jawi menerusi huraian taddabur surah terkait
Tema	Kategori	
Dasar rancangan	Rancangan gerakan	Selain daripada pendekatan 'bentuk berdasarkan fungsi', terdapat juga pendekatan sebaliknya iaitu 'fungsi berdasarkan bentuk' sebagai penggerak reka bentuk. 'Bentuk berdasarkan fungsi' mengkehendaki bentuk bangunan hanya memiliki fungsi yang berguna sahaja tanpa melibatkan hiasan atau keunikan bentuk yang tidak mesra dengan reka bentuk industri. Daripada Surah al-A'raf ayat 33, jelas menunjukkan pendekatan 'fungsi berdasarkan bentuk' juga boleh digunakan selagi tidak menentang perintah Allah.  Kesan kepada hari akhirat merupakan perkara yang paling penting dalam akhlak. Dalam Surah al-A'raf ayat 37 menjelaskan bahawa, Allah telah menetapkan aturan-Nya kepada umat manusia. Walau bagaimanapun akan terdapat umat manusia berpaling daripada aturan tersebut lalu menjadikan aturan lain selain daripada aturan Allah sebagai hala pemikiran jiwa raganya. Kesannya mereka akan menghalangi umat manusia menggunakan aturan Allah, malah menginginkan pula agar umat tersebut tidak memikirkan kehidupan di akhirat.
	Sokongan rancangan	Dalam ayat 42 dalam Surah al-Araf, kejayaan mengikut aturan Allah dijanjikan syurga dan kekal di dalamnya. Penyelesaian terbaik bukan sahaja tertakluk kepada penyelesaian kepada penghasilan pembuatan, tetapi berkait juga dengan hubungan sesama manusia, alam sekitar dan Allah. Dalam ayat ini, untuk mencapai kejayaan dalam menghasilkan penyelesaian terbaik bukan terletak kepada teknologi, tetapi terletak kepada umat manusia itu sendiri.
	Tujuan rancangan	Nilai seni merupakan suatu yang subjektif untuk dibincangkan. Lebih-lebih lagi untuk bergantung dengan teknologi bagi menghasilkan kesenian pada tahap semulajadi. Walhal hanya Allah sahaja yang mampu untuk menghasilkan nilai kesenibinaan pada tahap semulajadi. Pandangan ini berdasarkan Surah al-A'raf ayat 54
	Dasar rancangan	Allah telah mengingatkan umat manusia supaya tidak membuat kerosakan sesudah Allah memperbaikinya. Hal ini bukan sahaja terkait dengan kerosakan fizikal, tetapi juga kerosakan sikap manusia. Dalam hal ini, perbincangan tentang konsep reka bentuk bukan hanya terkait dengan kemunculan idea baru tentang teknologi, ekonomi, politik dan nilai-nilai persekitaran, tetapi ia merangkumi perbincangan yang lebih besar iaitu bagaimana kita menggiatkan usaha untuk memahami aturan yang Allah kehendaki, sebagaimana yang dijelaskan dalam Surah al-A'raf ayat 56.

Pendekatan yang menuju ke arah perbuatan keji seperti mencabar Allah, meningkatkan kesombongan, menundukkan masyarakat kerana reka bentuknya dengan mengagungkan pemiliknya (sebagaimana yang telah dilakukan oleh Firaun), menjadikan bangunan itu sembah dan sebagainya adalah dilarang. Keinginan imej peradaban bukanlah sesuatu yang perlu ditekankan dalam dasar rancangan seni bina kerana imej itu akan hadir apabila menuruti kaedah yang tepat mengikut al-Quran dan sunnah Rasul-Nya. Begitu juga, keterlibatan reka bentuk berdasarkan imej peradaban ini mendorong umat manusia hanya terpesona dengan kehidupan di dunia sahaja tanpa memikirkan kehidupan di akhirat.

Manusia merupakan hamba yang sangat hebat kerana mereka boleh menghasilkan teknologi yang baru atas usaha mereka. Teknologi yang baik akan menghasilkan pembuatan yang baik. Walau bagaimanapun, penyelesaian pemandangan bukanlah hanya bergantung kepada teknologi semata-mata, tetapi bergantung bagaimana reka bentuk itu mematuhi aturan yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, reka bentuk yang berupaya berasimilasi dengan keadaan siang dan malam, bentuk muka bumi, aturan kitaran air udara dan sebagainya. Dasar rancangan daripada pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep moral tidak merangkumi

hubungan dengan aturan daripada Allah. Walhal, Allah telah menetapkan malah telah membaiki kerosakan yang telah dilakukan oleh umat manusia. Kerosakan ini bukan sahaja terkait dengan alam sekitar, tetapi juga kesan pembangunan kepada masyarakat yang akhirnya dibinasakan oleh Allah kerana umat manusia itu tidak menuruti kehendak-Nya dalam menjalani kehidupan di mukabumi ini. Oleh itu, sukar untuk diangkat konsep keinginan yang dicadangkan oleh pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep moral kerana ia berlawanan dengan konsep akhlak. Jadual 6 menunjukkan keputusan analisis tema ‘konsep keinginan’ daripada ciri-ciri pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep moral yang dirujuk silang dengan pemahaman akhlak berdasarkan taddabur surah yang terkait dengan pemaknaan definisi akhlak berdasarkan analisis Kod Jawi.

Jadual 6. Rujuk silang tema konsep keinginan daripada pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep moral dengan akhlak

Ciri-ciri pendekatan rekabentuk seni bina baruberdasarkan konsep moral		Akhlak berdasarkan pemaknaan Kod Jawi menerusi huraian taddabur surah terkait
Tema	Kategori	
Konsep keinginan	Keinginan rupa bentuk	Berdasarkan-Surah al-A’raf, al-Quran mengandungi ilmu yang sangat berguna untuk dipelajari. Melihat alam tanpa bersandarkan kepada al-Quran untuk memperoleh konsep keinginan menghasilkan sesuatu adalah amat berisiko untuk aturan yang telah ditetapkan sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat 2 Surah al- A’raf.
	Keinginan kesempurnaan	Al-Quran merupakan manual untuk memperoleh kebenaran piawai yang Allah mahukan. Oleh sebab itu, proses mengikuti logik, dan minit kajian berdasarkan masalah yang dinyatakan merupakan amalan biasa dalam menghambakan diri kepada Allah untuk menghasilkan sesuatu yang bermanfaat. Walau bagaimanapun, jika sesuatu pendekatan tidak bermatlamatkan kesyukuran kepada Allah, maka pendekatan akan cenderung untuk tidak mengikuti aturan Allah SWT, seperti yang dijelaskan dalam Surah al-A’raf ayat 8.
	Keinginan makna seni	Sebagaimana Surah al-A’raf ayat 26, manusia memerlukan pakaian untuk menutupi aurat mereka atas perintah Allah, begitulah jua struktur bangunan memerlukan pakaian untuk menutupi sisi-sisi komponen yang tidak perlu ditunjukkan kepada orang ramai. Dalam pemikiran ini, pemikiran takwa adalah yang lebih baik kerana tidak mendorong masyarakat untuk memperkatakan aib yang tertera pada bangunan itu jika dipertontonkan.
	Keinginan hiasan	Berdasarkan ayat 31, Allah membenarkan umat manusia mengenakan pakaian yang indah (untuk perhiasan - lihat Surah al-A’raf, ayat 26). Walau bagaimanapun Allah memberi amaran supaya perhiasan itu janganlah berlebih-lebihan. Oleh sebab itu, penggunaan ragam hias bukanlah sesuatu yang dilarang, tetapi janganlah pula berlebihan sebagaimana yang kita lihat di Eropah pada suatu ketika dahulu bangunan mereka dahulu dihiasi dengan patung, ukiran yang hanya menonjolkan motif ideologi manusia. Sebaliknya, seni bina vernacular menggunakan ragam hias untuk berasimilasi dengan cahaya dan udara, menyampaikan mesej-mesej dari Allah, motif-motif geometri yang kompleks dan ekspresi alam dan flora yang unik.  Komponen kemudahan bangunan dianggap sebagai hiasan mungkin memberi suatu hasil seni bina yang menakjubkan. Dari suatu sudut lain, tanggapan ini akan membuka pelbagai persepsi tentang kemenjadian reka bentuk bangunan itu pada dua tahap. Tahap pertama, pada proses pembuatan di mana pembina mungkin tidak akan terlepas dari menanggung kesan kecacatan yang akan melibatkan kos yang besar untuk dibaik pulih, manakala pada tahap penggunaan, reka bentuk mungkin akan menanggung kos penyelenggaraan yang tinggi untuk kekal cantik. Oleh sebab itu, petunjuk dari Allah yang boleh diperoleh dalam al-Quran adalah diperlukan untuk mengelakkan masyarakat menanggung rugi.

Reka bentuk bersandarkan kepada al-Quran mampu menghasilkan rupa bentuk yang mempunyai maksud yang bermakna. Piawaian tentang pengukuran, modularisasi, alam sekitar adalah mustahil untuk dicapai kerana kesempurnaan disebabkan oleh inovasi teknologi berlaku pada setiap masa. Piawaian ini hanya berlaku pada kebendaan dan di alam dunia ini sahaja. Tetapi, al-Quran menyediakan piawaian melangkaui kepentingan kebendaan iaitu piawaian kepada manusia itu sendiri. Apabila umat manusia menuruti aturan Allah, maka umat manusia sudah mencapai piawaian yang Allah tetapkan, malah dijanjikan pula syurga di alam akhirat selepas umat manusia itu berjaya menamati alam dunia. Dalam konteks seni bina, jika rupa bentuk bangunan mempamerkan nilai kumpulan politik tertentu sudah tentu akan mewujudkan dua atau lebih blok masyarakat yang akan saling menentang.

Keadaan ini sudah tentu apabila sampai suatu masa kitaran blok politik yang lain akan menggantikan rupa bentuk bangunan mengikut acuan kumpulan politik mereka. Akhirnya pemikiran sebegini akan meningkatkan perbelanjaan untuk pembangunan semula. Begitu juga dengan penggunaan ragam hias, pembaziran boleh berlaku sekiranya ia digunakan secara berlebihan. Ragam hias sepatutnya mempunyai fungsi tersendiri seperti yang pernah seni bina vernakular amalkan. Pada zaman kotemporari ini, ragam hias berbantu teknologi berupaya membawa manfaat kepada masyarakat seperti meredakan haba dan membantu pengaliran udara, memandu perilaku yang lebih tertib di ruang awam yang padat, tidak menghalangi masyarakat untuk mendekati bangunan, juga tidak mendorong masyarakat untuk bergosip berkenaan dengan ragam hias tersebut.

Memperoleh petunjuk daripada Allah adalah lebih baik daripada kita bersangka-sangka kerana keberuntungan mengikuti aturan Allah adalah meliputi semua faktor. Oleh sebab itu, bahagian-bahagian penting komponen kemudahan bangunan tidak boleh dianggap hiasan kerana hiasan itu sendiri merupakan suatu komponen kemudahan bangunan. Sebagai perumpamaan, tubuh manusia mengandungi pelbagai komponen penting yang ditutupi oleh pakaian sebagai perhiasannya kerana takut kepada Allah. Jika komponen daripada tubuh badan dianggap sebagai perhiasan, maka hal ini menentang fungsi pakaian yang perlu menutupinya. Semakin banyak ditonjolkan komponen tubuh badan semakin banyak keburukan akan dipertontonkan kepada masyarakat. Begitulah juga perumpamaan ini dengan perihal bangunan. Oleh itu, terdapat perbezaan yang konsisten pada setiap unit makna daripada tema konsep keinginan yang dicadangkan oleh pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep moral dengan konsep akhlak berdasarkan Kod Jawi. Jadual 7 menunjukkan keputusan analisis tema 'Konsep penjelasan' daripada ciri-ciri pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep moral yang dirujuk silang dengan berdasarkan taddabur surah yang berkaitan dengan pemaknaan definisi akhlak berdasarkan analisis Kod Jawi.

Jadual 7. Rujuk silang tema Konsep Penjelasan daripada pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep Moral dengan Akhlak berdasarkan analisis Kod Jawi

Ciri-ciri pendekatan rekabentuk seni bina baru berdasarkan konsep moral		Perincian akhlak berdasarkan Kod Jawi menerusi Huraian taddabur surah terkait
Tema	Kategori	
Konsep penjelasan	Penjelasan Politik	Berdasarkan ayat 10 Surah al-Anbiya, konsep ilmu yang perlu dipelajari untuk menjelaskan reka bentuk di dalam al-Quran adalah dengan menerokai sebab-sebab kemuliaan untuk umat manusia. Oleh itu, terdapat keutamaan dalam melihat kesan reka bentuk itu kepada kemuliaan manusia. Reka bentuk sepatutnya menjadi alat untuk memuliakan umat manusia seperti konsep yang mensejahterakan pelbagai kumpulan yang lemah (orang tua, OKU, kanak-kanak dsb), melancarkan aktiviti dalam ruang bangunan dan penyelenggaraan bentuk bangunannya dan menyampaikan mesej tersirat dalam bentuk seni (metafora) mengikut fungsi bangunan itu (kegerunan, penghormatan, peringatan dan sebagainya).
	Penjelasan Pengindustrian	Menggunakan contoh reka bentuk kapal terbang mungkin boleh memberi sumbangan kepada percambahan idea terutama berkaitan dengan teknologi, rupa bentuk dan penggunaannya. Berbanding dengan berpandukan al-Quran sebagai panduan reka bentuk akan lebih tepat. Dalam surah Al-Anbiya ayat 11, Allah memberi contoh betapa banyaknya penduduk negeri yang zalim telah dibinasakan. Dalam hal ini, kesan reka bentuk adalah kepada umat manusia itu sendiri. Reka bentuk boleh mendorong kepada perilaku yang akan menerima hukuman dari Allah. Dalam Surah al-Anbiya ayat 31, Allah telah memberi contoh betapa kasih-Nya kepada kita dengan membina bumi ini untuk kita bergantung hidup menjalani kehidupan. Oleh sebab itu, piawaian rumah sebagai sebuah mesin kehidupan merupakan sebuah idea yang ditakuti akan memutuskan hubungan manusia dengan alam sekitar yang luas ini.
	Penjelasan Kesempurnaan	Kuil Parthenon tidak lagi digunakan setelah ditinggalkan oleh umat manusia. Itu sudah cukup menandakan parthenon tidak boleh dijadikan contoh kesempurnaan. Bangunan sepatutnya dibina mesti mengikut kehendak Allah SWT, bukan keinginan diri untuk mengambil keuntungan daripada pembangunan itu seperti, kemashuran, kekuasaan, kebanggaan kebendaan yang akhirnya dimurkai Allah SWT sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat 43 Surah al-Anbiya. Tetapi pembangunan bangunan adalah bertujuan untuk beribadat kepada Allah SWT, iaitu sebagai alat untuk hamba-hamba-Nya untuk menjalankan kebajikan dan amal soleh di mukabumi ini.
	Penjelasan Ketuhanan	Kelestarian akan dinikmati sekiranya pereka bentuk menuruti kehendak Allah SWT dalam mereka bentuk. Sebagaimana yang dijelaskan Surah al-Anbiya ayat 44, Allahlah yang memberi kenikmatan kepada penduduk kota mushrik sehingga mereka menyangka pedoman hidup merekalah yang menyenangkan mereka. Sedangkan Allah telah membinasakan negeri-negeri disekitarnya dan mendatangkan tanda-tanda kebesaran Allah secara berulang-ulang supaya mereka penduduk kota mushrik itu bertaubat. Oleh sebab itu pereka bentuk perlu tumpukan perhatian kepada tugas dengan cermat agar tidak melakukan kerosakan yang akhirnya dimurkai Allah SWT kerana pedoman yang diadakan adakan oleh manusia itu tanpa petunjuk dari Allah SWT berisiko untuk memberi kesan buruk kepada manusia dan alam sekitarnya.
	Penjelasan Alam sekitar	

## 7. Kesimpulan

Perkara paling penting untuk difikirkan dalam reka bentuk adalah kesan reka bentuk itu kepada perilaku manusia. Reka bentuk sepatutnya menjadi alat untuk memuliakan umat manusia dengan meningkatkan mutu fungsi bangunan tersebut dalam memberi kebajikan kepada orang tua dan kurang upaya, wanita, kanak-kanak, haiwan dan alam sekitar. Kita boleh melihat banyak contoh kegagalan memberi kebajikan ini untuk memuliakan umat manusia seperti, wanita beratur lebih satu jam untuk menggunakan tandas, kanak-kanak jatuh dari balkoni,

orang-orang tua dan kurang upaya menghadapi kesukaran untuk bergerak dalam bangunan. Begitu juga dengan menganggap rumah adalah sebagai sebuah mesin untuk hidup, bermakna manusia bergantung kepadanya untuk menjalani kehidupan di dunia ini. Idea ini telah banyak digambarkan dalam bentuk filem dan komik. Manusia tidak perlu kemana-mana kerana mesin telah membantu manusia untuk melakukan urusan jual beli, berjalan, bertemu rakan dan berbagai lagi aktiviti sosial. Akhirnya umat manusia itu sendiri mengalami kemudaratan akibat bergantung dengan mesin kehidupan.

Seni bina bukan alat untuk memenuhi keinginan manusia. Tetapi seni bina adalah ilmu untuk memberi kemudahan kepada umat manusia untuk meningkatkan ibadat mereka kepada Allah SWT. Tiada yang sempurna dapat dibuat oleh manusia. Oleh sebab itu, adalah lebih baik untuk pereka bentuk meneliti segenap perihal agar reka bentuk sesuatu bangunan itu memenuhi tuntutan fitrah manusia berkaitan dengan keperluan ruang dan masa, keselesaan dan kebersihan, tidak merugikan hasil pendapatan, hubungan dengan alam sekitar dan sebagainya. Kelestarian boleh dicapai dengan menuruti aturan Allah SWT. Pereka bentuk sebagai hamba yang dituntut untuk menghasilkan reka bentuk perlu mempelajari mengapa kota terdahulu dimusnahkan. Kota yang dimusnahkan itu bukan sahaja melakukan kerosakan kepada alam sekitar tetapi kepada umat manusia. Allah menjadikan bumi ini dengan ilmu yang tidak dapat dijangkau oleh umat manusia. Oleh itu, pereka bentuk tidak perlu menentang kewujudan makhluk yang ada di langit dan di bumi ini untuk mencapai keinginan manusia, tetapi pereka bentuk mesti mentadbir kewujudan makhluk tersebut untuk menghasilkan reka bentuk yang tidak memusnahkan mereka yang mempunyai fungsinya yang tersendiri.

Kajian ini telah menunjukkan terdapat perbezaan yang sangat jelas antara konsep moral dengan konsep akhlak untuk mengemukakan konsep seni bina yang baru. Menerusi konsep moral, perkembangan pengetahuan untuk menghasilkan idea-idea baru berdasarkan kepada konsep moral akan bertambah luas dan seiring dengan kehendak teknologi, ekonomi, politik dan alam sekitar. Walau bagaimanapun, pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep moral ini tidak mempunyai persamaan dengan nilai dari pengertian akhlak yang berdasarkan al-Quran. Oleh sebab itu, empat tema utama yang membentuk pendekatan reka bentuk berdasarkan konsep moral iaitu, dasar pemikiran, dasar rancangan, konsep keinginan dan konsep penjelasan adalah sangat mustahil untuk diangkat sebagai asas atau pegangan bagi menyegarkan karya seni bina dengan menggantikan pegangan berlandaskan kepada petunjuk dari al-Quran. Ini disebabkan analisis rujuk silang menggunakan Kod Jawi bagi keempat-empat tema daripada seni bina baru berdasarkan konsep moral menunjukkan tiada persamaan yang membolehkan pereka bentuk menggunakan konsep moral tersebut untuk menggantikan petunjuk akhlak dari al-Quran bagi menghasilkan seni bina. Al-Quran telah menjelaskan serta memberi contoh dan petunjuk untuk menghasilkan seni bina yang baik menurut kehendak Allah. Salah satu petunjuk yang diberikan adalah implikasi reka bentuk kepada perilaku manusia. Oleh sebab itu, pereka bentuk mempunyai tanggungjawab untuk meneroka al-Quran bagi memperoleh petunjuk bagi menghasilkan seni bina yang direndah Allah SWT.

## **8. Penghargaan**

Kajian ini dibiayai dari segi kewangan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia melalui Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2021/SSI0/UM/02/11)(FP031-2021)

## Rujukan

- Arrafi, A.M.A., Aditya, F.M.A., Fahlifi, M.S R.F., Rohman. & Ramadhani, Z.R. (2023) Etika, Moral dan Akhlak. *Jurnal Religion: Jurnal Agama, Sosial, dan Budaya*. 1(2). <https://maryamsejahtera.com/index.php/Religion/index>
- Basmeih, A. (2001). *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran (30 Juz)*. Pusat Islam Malaysia. Darulfikir. Kuala Lumpur.
- Corbusier, L (1935). *Aircraft*. Foundation of le Corbusier. Trefoil Publications Ltd, London.
- Wesley, R. (1998). The Idea of a House. *Res: Anthropology and Aesthetics*, 34, 118–127. doi:10.1086/resv34n1ms20140
- Graff, S. (2018). *Organic Architecture and the Sustaining Ecosystem*. Frank Lloyd Wright Foundation. <https://franklloydwright.org/organic-architecture-and-the-sustaining-ecosystem/>
- Harris, K.M.A. (2021). Sekularisasi etika dan krisis moral masa kini. *Afkar*. 23(2). 121-170. DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no2.4>
- Illies, C. (2008). The moral relevance of architecture. *IAPS Bulletin*. 3-6. file:///C:/Users/User/Documents/ACADEMIC/USIM/MORAL%20VS%20AKHLAK/ChristianIllies-ThemoralrelevanceofArchitecture.pdf
- Jones, M.W. (2018) *Approaches to Architectural Proportion and the “Poor old Parthenon”*. in *“Proportional Systems in the History of Architecture”*. Leiden University Press
- Kaur, S. (2019). Moral Values in Education. *Journal of Ethnic Minorities Research*, 8(1), 57–62. <https://doi.org/10.25073/0866-773x/263>
- Kohlberg, L., & Hersh, R. H. (1977). Moral Development: A Review of the Theory. *Theory into Practice*, 16(2), 53–59. <https://doi.org/10.1080/00405847709542675>
- Kosman, K.A., & Ibrahim, N.L.N. (2007). Identiti Seni Bina Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya. *Sari*. 25. 279 - 290
- Mujayyanah, F., Prasetya, B., & Khosiah, N. (2021). Konsep Pendidikan Akhlak Luqmanul Hakim (Kajian Tafsir Al-Misbah Dan Al-Maraghi). *Jurnal Penelitian IPTEKS*, 6(1), 52–61.
- Muller, J.W. (2024). Democratic designs: show me what democracy looks like. *The Architecture Review*. <https://www.architectural-review.com/essays/democratic-designs>
- Nargiza, Y. (2022). Social and Moral Education of Students and Development of Value. *Galaxy International Interdisciplinary Research Journal*, 10(1), 2022.
- Norahaida et.al (2024), Perincian Konsep Pendidikan Awal Kanak-kanak Menggunakan Kod Jawi. *International Conference on Contemporary Education in the Islamic World*. 5th-7th May 2024. Grand Darulmakmur Hotel, Kuantan, Pahang, Malaysia.
- Nur ‘Alia. S. O., Nurul Syala. A.L., Noor Hayati. I. (2023) Relationship of Islamic values with traditional Malay wood carving. *International Conference on Local Wisdom of the Malay Archipelago (COLLEGA 2023)* Page - 884 -
- Nurul Syala. A.L. (2017). Daya Saing Tulisan Jawi dan Potensi Kod Jawi Dalam Menghadapi Era Globalisasi. *Sains Insani*. 3(1). 38-45
- Nurul Syala. A.L., Noor Hayati. I., Mohammad.S., & Indirawati. Z. (2023) Analisis aplikasi Kod Jawi di dalam bidang seni bina – ukiran Melayu. *International Conference on Local Wisdom of the Malay Archipelago (COLLEGA 2023)* Page - 68 -
- Nurul Syala. A.L., S. Mohamad., N.H. Kamaruddin., Nur Akma. B., M.S. Sulaiman. (2022) Perincian definisi ‘pembangunan lestari’ menggunakan Kod Jawi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. 7(50). 143-150

- Parker, M.S. (2008) *Morality in Architecture: Detail as virtue*. (Professional Master Thesis. Carleton University)
- Pfeiffer, B.B. (2004). *Frank Lloyd Wright, 1867-1959: Building for Democracy*. Taschen. Germany.
- Proto, F. (2005). The Pompidou Centre: or the hidden kernel of dematerialisation. *The Journal of Architecture*, 10(5), 573–589. doi:10.1080/13602360500463156
- Quine, W. V. (1979). On the Nature of Moral Values. *Critical Inquiry*, 471–480.
- Rasdi, M.T.M. & Kosman, K.A.. (2005). Identiti Seni bina Kebangsaan: Pengajaran daripada gerakan Art and Craft di Britain. *Jurnal Alam Bina*. 7(1). 31-48
- Sabil, A. Yusof, H. & Utaberta, N. (2022) Idea dan Pemikiran Seni bina Melayu Moden Razin Mahmood. *Journal of Design + Built*. 15(1) 71-83.
- Setiawan, E. (2017). Konsep Pendidikan Akhlak Anak Perspektif Imam Al Ghazali. *Jurnal Kependidikan*, 5(1), 55–70. <https://doi.org/10.24090/jk.v5i1.1252>
- Surat, M. (2019). Pentafsiran seni bina masjid berkubah dari sudut nilai modernism. *Journal of Design + Built*. 12(1). <https://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/437/257>
- Thoha, A. (1986). *Terjemahan: Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Pustaka Firdaus. Jakarta.
- Wolf, S. (1982). Moral Saints. *Journal of Philosophy*. 79(8), 419–439.
- Utaberta, N & Surat, M (2009). *Kajian Tentang Idea Dan Falsafah Seni Bina Organik Frank Lloyd Wright*. Academia.Edu. [https://www.academia.edu/2544571/2009\\_Jurnal\\_Design\\_Built\\_Jurnal\\_Rekabentuk\\_dan\\_Binaan\\_Volume\\_2\\_Kajian\\_Idea\\_dan\\_Falsafah\\_Seni\\_Bina\\_Organik\\_Frank\\_Lloyd\\_Wright\\_Cetakan\\_Dis\\_09\\_ms\\_87\\_102\\_ISSN\\_1985\\_6881\\_](https://www.academia.edu/2544571/2009_Jurnal_Design_Built_Jurnal_Rekabentuk_dan_Binaan_Volume_2_Kajian_Idea_dan_Falsafah_Seni_Bina_Organik_Frank_Lloyd_Wright_Cetakan_Dis_09_ms_87_102_ISSN_1985_6881_)